

Mahathir memangku jawatan

BH - 8 JUN 2001
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini turut memangku jawatan Bendahari Agung parti yang dikosongkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Ini disahkan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Pameran Perda-

gangan Industri Malaysia ke-15 (ITM) 2001 di The Mines, Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelantikan Bendahari Agung Umno yang baru akan dibuat oleh Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri pada masa sesuai nanti.

"Pada waktu ini, Datuk Seri Dr Mahathir adalah pemangku Bendahari. Pelantikan baru akan dibuat apabila Presiden

parti (Dr Mahathir) merasakan pelantikan itu perlu dilakukan," katanya.

Abdullah berkata, jawatan Bendahari Agung dalam Umno yang disandang Daim sejak 1984, tidak mempunyai timbalan, penolong atau pembantu.

Sejak pengesahan Dr Mahathir, Selasa lalu bahawa Daim turut meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan, termasuk sebagai Bendahari Agung

Umno, spekulasi turut hangat diperkatakan mengenai penggantian dalam parti kerana Perhimpunan Agung Umno akan diadakan tidak lama lagi.

Ini kerana jawatan itu tidak mempunyai timbalan. Perhimpunan Agung Umno bermula 19 Jun ini.

Sementara itu, Abdullah menyangkal khabar angin kononnya beliau akan dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi menggantikan Daim.

Bendahari Agung Umno

Katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai siapa pengganti Daim, yang mengosongkan semua jawatan kerajaan dan parti, tetapi kekal sebagai Ahli Parlimen Merbok.

"Mengapa anda (wartawan) tidak tanya Perdana Menteri? Saya tidak ada kaitan dengan pelantikan menteri," katanya apabila ditanya mengenai khabar angin itu.

Daim meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan dan

Menteri Tugas-Tugas Khas, Jumaat lalu. Kini kedua-dua portfolio itu dipangku oleh Dr Mahathir.

Abdullah berkata, soal pelantikan menteri Kabinet adalah hak mutlak Perdana Menteri.

Ditanya bahawa Timbalan Perdana Menteri sebelum ini pernah juga menyandang jawatan Menteri Kewangan, Abdullah sambil berseloroh berkata: "Ya ke... Perdana Men-

teri pun pernah pegang jawatan Menteri Kewangan (sebelum ini)."

Ini adalah kali kedua Daim meletak jawatan Menteri Kewangan sesudah menyandanginya selama tujuh tahun pada 1991. Beliau kembali menyertai Kabinet sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas pada 1998 dan disusuli pelantikan sebagai Menteri Kewangan dalam rombakan Kabinet pada Januari 1999.